

PENCAPAIAN DAN PENGIKITIRAFAN YANG DITERIMA OLEH PEJABAT TANAH MARANG

Oleh Administrator

Selasa, 10 Desember 2019 00:00 -

10 Disember 2019 – Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) mengadakan pengauditan Sistem Penarafan Bintang (SSR) Pentadbiran Tanah secara pusingan melibatkan semua pentadbiran tanah. Pada tahun ini Pejabat Tanah Marang (PTM) telah diaudit bagi pusingan kedua melibatkan 32 buah Pejabat Tanah terpilih di Semenanjung Malaysia. Pada auditan tersebut, Pejabat Tanah Marang telah berjaya mendapat pengiktirafan 5 bintang.

Majlis penyampaian Pemberian Insentif dan Sijil Pengiktirafan atas kejayaan tersebut sekali lagi telah diadakan semasa Hari Perhimpunan Bulanan Warga Kerja Wisma Darul Iman yang telah disampaikan oleh YB Dato' Mohd Zahari bin Md Azahar, Setiausaha Kerajaan Terengganu kepada Yang Berusaha Tun Ahmad Faisal bin Tun Abdul Razak, Pentadbir Tanah Marang.

Pengiktirafan ini merupakan pengiktirafan paling besar buat Pegawai dan seluruh warga kerja Pejabat Tanah Marang. Sesungguhnya amat banyak usaha yang telah dilaksanakan untuk sampai ke peringkat ini. Semoga kejayaan ini menjadi dorongan dan motivasi kepada jabatan lain di Negeri Terengganu.

PENCAPAIAN DAN PENGIKITIRAFAN YANG DITERIMA OLEH PEJABAT TANAH MARANG

- a. Anugerah Inovasi Pentadbiran Daerah dan Tanah (AIPDT) 2015;
- b. Johan bagi kategori Pengurusan dan Johan Keseluruhan di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2015 Peringkat Negeri;
- c. Anugerah Pegawai Kewangan Negeri, Pengiktirafan 4 Bintang dan Persembahan Terbaik di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2017 peringkat Negeri (Projek SMART COUNTER); dan
- d. Anugerah Pegawai Kewangan Negeri dan Pengiktirafan 5 bintang di Pertandingan '1 Inovasi, 1 Jabatan, 1 Tahun' Peringkat Negeri 2019 (Projek e-LMS);

Lanjutan kejayaan ini, Pengarah Tanah dan Galian Terengganu telah menyarankan supaya SMART COUNTER dan Sistem e-LMS diselaraskan dan digunapakai di seluruh Pejabat Tanah di Negeri Terengganu.